



Headline: Guru rugi RM20,450 ditipu Macau Scam
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 3 August 2019

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 21

Guru rugi RM20,450 ditipu Macau Scam

Oleh **ROSLIZA MOHAMED**
pengarang@utusan.com.my

■ KOTA BHARU 2 OGOS

GARA-GARA panik selepas menerima panggilan mendakwa dia mempunyai tunggakan kad kredit selain dituduh bersubahat dalam aktiviti pengubahan wang haram, seorang guru lelaki kerugian RM20,450 dalam kejadian di Wakaf Bharu, Tumpat, Selasa lalu.

Kejadian berlaku ketika mangsa berusia lewat 40-an berada di rumahnya kira-kira pukul 11 pagi.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintenden Ahmad Azizul Mohamed berkata, suspek pada mulanya memberitahu mangsa gagal hadir perbicaraan di mahkamah kerana mempunyai tunggakan kad kredit sebanyak RM10,000.



AHMAD AZIZUL MOHAMED

Menurutnya, dalam perbualan menerusi telefon bimbit itu mangsa menafikannya dan pada masa sama talian itu disambungkan kepada seorang lelaki lain bernama 'Inspektor Marzuki'.

"Dalam perbualan itu mangsa turut diberitahu terbabit dalam pengubahan wang haram

dan perlu diselesaikan.

"Mangsa yang panik terus mengikut arahan suspek dengan pergi ke sebuah bank termasuk menukar nombor pin perbankan internet bagi membolehkan suspek membuat pengeluaran wang daripada akaun mangsa.

"Selepas itu mangsa merasa curiga kemudian menyemak wang simpanan dalam akaunnya dan mendapati sejumlah RM20,450 lesap," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Ahmad Azizul memberitahu, mangsa kemudian membuat laporan pada hari kejadian itu di Balai Polis Wakaf Bharu, pukul 4.30 petang.

"Kes diklasifikasikan mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya.

Katanya, orang ramai perlu peka dan tidak mudah terpengaruh dengan panggilan palsu yang boleh menyebabkan kerugian besar.